

<b>Publication</b>	<b>Kosmo</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Niaga / Pg 51</b>
<b>Date</b>	<b>Thu, 20<sup>th</sup> Apr 2017</b>	<b>Lead Article</b>	<b>No</b>
<b>Headline</b>	<b>RHB Islamic Sedia RM31.35 J Untuk Prima</b>		

## RHB Islamic sedia RM31.35j untuk PR1MA

**KUALA LUMPUR** – RHB Islamic Bank Bhd. (RHB Islamic) akan menyediakan kemudahan pembiayaan berjumlah RM31.35 juta bagi membiayai dua projek PR1MA di Kelantan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Adissadikin Ali berkata, ia melibatkan penyediaan kemudahan pinjaman kepada pemaju hartanah, AUEI Teras Holdings Sdn. Bhd. (AUEI) dan Vertex Central Industries Sdn. Bhd., masing-masing berjumlah RM17.75 juta bagi projek PR1MA di Kubang Kerian dan RM13.6 juta di Machang.

“RHB Islamic, yang merupakan rakan kerjasama Skim Dana Teras Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), sangat gembira diberi peluang untuk menyokong syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terbabit.

“Menerusi skim ini, lebih banyak syarikat berkecayaan meneroka peluang dan menceburi perniagaan berdaya maju yang akan meningkatkan kepakaran teknikal, perniagaan dan keupayaan kewangan mereka ke tahap yang lebih tinggi,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.